

Ahad – 16 Ogos 2020

Halaman : 03

jejak cemerlang

183 Orang Asli dalam bidang profesional

Kuala Lumpur: Anggota masyarakat Orang Asli juga boleh berjaya dan buktinya, 183 daripada mereka kini berkhidmat di sektor awam membabitkan bidang pengurusan dan profesional.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Prof Dr Juli Edo berkata, semua mereka memiliki kelulusan daripada ijazah sarjana muda sehingga ijazah doktor falsafah (PhD).

"Tujuh daripada mereka berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai pakar dan doktor perubatan selain seorang sebagai hakim di Mahkamah Sesyen Segamat, Johor.

"Ada yang bertugas sebagai pensyarah di universiti awam (UA) dan menjawat jawatan timbalan ketua pengarah serta ketua penolong pengarah di jabatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik daripada 2010 hingga 2019, 113 Orang Asli sedang melanjutkan pengajian di luar negara di peringkat



DR JULI

ijazah sarjana muda dan PhD.

"Tahun ini, 489 Orang Asli sedang melanjutkan pengajian diperingkat ijazah sarjana muda selain 451 lagi diperingkat diploma.

"Kejayaan ini hasil usaha kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif melalui bantuan persekolahan kepada pelajar Orang Asli bagi meningkatkan taraf hidup menerusi pendidikan daripada peringkat sekolah hingga UA sama ada di dalam atau luar negara," katanya.

Jual ubi tampung belanja sekolah

Kuala Lumpur: Sulin Debota, 30, yang juga penolong akauntan di ibu pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jalan Ampang di sini, pernah menjual akar kayu, ubi kayu dan hasil hutan kepada guru untuk menampung perbelanjaan di sekolah rendah.

"Bapa menyara keluarga dengan mencari hasil hutan. Pendapatan umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang demi menyara kami lapan beradik.

"Saya ambil inisiatif berniaga kecil-kecilan di sekolah bagi mendapatkan wang saku," katanya.

Selepas bertahun bergelut dengan kemiskinan serta rintangan lain, Sulin bersyukur kerana kerja serta usaha kerasnya selain ibu bapa membawa hasil.

Walaupun menjawat jawatan tinggi dalam JAKOA, Sulin tetap merendah diri dan beriltizam untuk membantu masyarakat Orang Asli meningkatkan taraf pendidikan serta hidup.

"Dulu, setiap kali pulang dari sekolah, saya akan buat ulang kaji dan siapkan kerja sekolah sehingga jam 4 petang kerana pada waktu malam, tiada bekalan



SULIN

elektrik. Kecuali ada peperiksaan, saya terpaksa gunakan pelita untuk mengulang kaji pelajaran.

"Untuk lebih fokus dan mengelak gangguan, saya akan belajar di atas pelantar dibina di atas pokok," katanya yang juga keturunan Orang Asli Suku Jakun.

Menurut Sulin, selepas menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jengka, Pahang, beliau bertugas sebagai pembantu tadbir kewangan di JAKOA sebelum dinaikkan pangkat sebagai penolong akauntan di agensi sama pada 2016.